

## 1001 Masalah

dipunyai oleh orang yang bukan Islam, tetapi ketua pengarangnya adalah seorang Islam.

Sepatutnya setiap iklan yang bersangkutan dengan kitab suci “Al-Qur’ān” yang disiarkan di ruangan surat khabar harian yang kesudahannya akan dijadikan kertas pembungkus di kedai-kedai runcit dan di pasar-pasar umum hendaknya janganlah ada mengandungi tulisan-tulisan ayat-ayat Qur’an sebagai menghormati kemuliaan kitab suci Islam itu, malahan iklan-iklan tersebut memada dengan lukisan gambar kulit yang menunjukkan bentuk kitab-kitab tafsir yang diterbitkan itu. Ini boleh dijadikan syarat oleh pihak ketua-ketua pengarang sesebuah surat khabar harian sekalipun surat khabar itu bukan dipunyai oleh seorang Islam, demi untuk menjaga perasaan para pembacanya yang sebahagian besar daripadanya terdiri daripada orang-orang Islam.

Berlain-lainan sekali iklan-iklan itu disiarkan di ruangan majalah-majalah bulanan yang dijahit dan berkulit kemas, kerana memang sudah menjadi kebiasaan setiap majalah bulanan itu sehabis dibaca akan disimpan dengan baik oleh setiap pembacanya untuk dijilid apabila genap setahun keluarannya. Kita jarang sekali menjumpai kertas majalah Melayu terutama majalah-majalah yang berdasar Islam dijadikan pembungkus barang-barang di kedai ataupun di pasar-pasar berdasarkan sebab-sebab yang telah kita sebutkan di atas. Tetapi kertas-kertas surat khabar harian walau apa corak

dan bentuknya ia pasti dijual kepada pemborong-pemborong dengan harga kati untuk dijual kepada pekedai-pekedai runcit dan pasar-pasar umum.

Inilah yang mendorong kita menggesa orang-orang Islam yang mempunyai tanggungjawab bertugas dalam penerbitan surat khabar harian supaya mereka lebih awas dan waspada mengawasi iklan-iklan atau pun makalah-makalah agama agar supaya jangan menyiarkan nas-nas Qur’an atau pun nas-nas hadith dalam Bahasa Arab (bahasa asalnya) untuk menjaga dan memelihara supaya nas-nas asal yang terdiri daripada firman-firman Allah dan sabda-sabda Rasulullah itu tidak diperhina-hinakan oleh orang-orang yang tidak mahu bertanggungjawab memelihara kemuliaan dan kesucian ayat-ayat Tuhan dan kata-kata Rasul itu.

Terutama kalau surat khabar harian Melayu itu diterbitkan dalam huruf rumi yang pembacanya bukan sahaja terdiri daripada orang-orang Islam sahaja, malahan juga terdiri daripada orang-orang yang bukan Islam yang tidak tahu menahu di mana terletaknya kemuliaan firman-firman Tuhan dan sabda-sabda Rasul yang wajib dihormati oleh setiap orang Islam.

### Contoh kedua:

Ada pun contoh kedua yang dikirim oleh seorang yang memakai nama samaran ‘Pemuda Yengki Muslim’ ialah dari buku ‘cenderamata’ yang diterbitkan oleh Jawatankuasa Pusat Pertandingan Membaca Al-Qur’an Al-Karim tahun 1968’ yang diketuai oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman Yaakub – Menteri Tanah dan Galian Malaysia – buku “cenderamata” yang mengandungi ayat-ayat suci yang diambil dari buku

tafsir al-Qur’ān yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri itu, telah dibahagi-bahagikan dengan percuma kepada orang ramai yang menghadiri pertandingan-pertandingan membaca Al-Qur’ān yang telah diadakan selama lima malam berturut-turut di Stadium Merdeka pada pertengahan bulan Ramadān yang lama.

Di sini kita suka pula mengemukakan teguran yang membina demi untuk menjaga kemuliaan kitab suci Al-Qur’ān kepada pihak yang bertanggungjawab menerbitkan “cenderamata” tersebut, agar kiranya pada masa-masa yang akan datang siaran-siaran yang berupa “cenderamata” yang akan dibahagi-bahagikan dengan percuma kepada orang ramai janganlah hendaknya mengandungi ayat-ayat Qur’an ataupun hadith-hadith Nabi yang nas-nas asalnya bertulis dalam bahasa arab, teguran kita ini berdasarkan apa yang sering berlaku pada siaran-siaran yang berupa cenderamata, walau bagaimana molek dan kemas bentuknya, ia pasti tidak akan dapat dikawal daripada dibuang-buang dan disepah-sepahkan oleh orang yang menerimanya setelah selesainya sesuatu majlis yang diadakan. Kadang kala siaran-siaran “cenderamata” yang dibahagi-bahagikan itu dijadikan pula alas tempat duduk. Kalaupun siaran-siaran “cenderamata” itu hanya mengandungi acara-acara majlis atau kata-kata sambutan dari pihak yang mengadakannya, tidaklah menjadi tegahan apa-apa atau menjadi bahan-bahan perbincangan di ruangan-ruangan surat khabar.

Tetapi kiranya siaran-siaran “cenderamata” tersebut ada hubungannya dengan agama, tercatit pula di dalamnya ayat-ayat Qur’an dan hadith-hadith Nabi,

## 1001 Masalah

sudah tentu kalau ianya tidak dikawal daripada menjadi sampah sarap di tepi-tepi jalan raya dan di tepi-tepi longkang, seperti mana yang telah berlaku pada “buku cenderamata” malam pertandingan membaca pada tahun ini, maka hal yang demikian amatlah mendukacitakan dan sudah pasti akan menyinggung perasaan orang-orang Islam yang benar-benar tahu dan menghargai dan menghormati ayat-ayat Allah dan hadith-hadith Nabi itu.

Kami tidak perlu membentangkan hujah-hujah atau dalil-dalil yang menunjukkan betapa murkanya Tuhan terhadap orang-orang Islam yang dengan sengaja mempersenda-sendakan atau mempermain-mainkan

ayat-ayat Tuhan yang terkandung di dalam al-Qur’an al-Karim, lantaran dalam soal ini seumum umat Islam dari sejak kecil lagi memang mengetahuinya, dan kita tidak fikir setiap orang Islam yang benar-benar beriman kepada Allah, kepada Rasul dan kepada kitab Allah itu akan sanggup melakukan perbuatan-perbuatan yang membawa kepada terhinanya ayat-ayat suci itu dengan sengaja.

Tetapi kalau soal-soal yang dianggap kecil oleh setengah-setengah orang Islam tetapi besar kesannya kepada nama baik Islam yang tidak dijaga dan tidak dikawal oleh penganut-penganut Islam sendiri, maka mungkin penganut-penganut agama lain akan memandang rendah terhadap kitab suci Islam itu dan memandang rendah pula terhadap umat Islam.

### Harapan kita:

Di pihak kita sebagai sebuah majalah Islam yang sentiasa membela dan mempertahankan kesucian agama Tuhan yang kita cintai, sangat merasa terhutang budi kepada dua pembaca dan peminat majalah Qalam yang dengan dorongan perasaan cintakan Islam telah berani mendedahkan suatu kejadian yang memang wajib diberikan teguran kepada pihak yang telah melakukan suatu perbuatan yang sudah tentu tidak menyenangkan perasaan seluruh umat Islam di negara ini.

Sama ada perkara yang tidak kita ingini itu dilakukan dengan sengaja atau pun tidak, ini tidak kita persoalkan. Yang menjadi persoalan kita sekarang ialah kejadian tersebut merupakan suatu penghinaan terhadap kesucian dan kemuliaan kitab Allah al-Karim.

Oleh itu dengan terus terang kita menyatakan bahawa teguran-teguran yang kita tulis ini berdasarkan pembinaan, semata-mata bertujuan untuk membaiki kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam soal ini, dengan harapan semoga di masa-masa yang akan datang perkara yang seumpama ini tidak akan berlaku lagi, kerana nasihat-menasihati itu adalah satu kewajipan bagi setiap umat Islam sebagaimana yang telah disabdakan oleh Rasullullah (S.A.W):

Maksudnya: “Agama itu nasihat: “Bagi siapa wahai Rasul Allah?” (Tanya para sahabat) jawab baginda: ‘Bagi Allah, bagi Rasul-Nya dan seumum kaum Muslimin.’”



Duli Yang Maha Mulia Amir Mash'al bin al-Malik Abdul Azizi – Pesuruhjaya kota Makkah – sedang mengetuai pekerjaan mengepam air bah dan membersihkan kawasan Masjidil Haram.

**Abu Al-Mokhtar.**

## Banjir di Kota Suci Makkah

Bagi sesebuah negara yang letaknya di kawasan padang pasir yang tandus, jarang-jarang sekali dituruni hujan seperti negara-negara di Timur Tengah, bagi penduduk negara-negara tersebut, banjir adalah merupakan satu rahmat besar yang diturunkan Tuhan ke atas mereka.

Baru-baru ini di kota suci Makkah telah diserang oleh banjir besar yang sampai menenggelamkan sebahagian Kaabah, mengorbankan beberapa jiwa dan memusnahkan harta benda yang bukan sedikit, namun kedatangan banjir tersebut adalah disambut dengan kalimah-kalimah kata kesyukuran ke hadrat Ilahi.

Ikutilah kisah “Banjir di Kota Suci” yang kita petik dari satu berita yang telah disiarkan oleh sebuah surat khabar harian ( al-Bilād ) yang diterbitkan di Makkah al-Mukarramah. – Pengarang.

### Tasik di Keliling Baitullah :

Pada hari Rabu 22 haribulan Januari 1969 yang lalu kira-kira pukul 5 pagi waktu *zawāl* di Makkah (pukul 11 pagi waktu Malaysia), kelihatan awan mendung tebal menghitam berkepul-berkepul menutupi seluruh langit di kota suci itu menyebabkan udara yang begitu panas menjadi nyaman, suasana yang terang bercuaca dengan serta merta menjadi muram. Kemudian diikuti pula dengan hembusan angin ribut yang bertiup dengan kencang dan hebat serta diiringi hujan lebat yang terjun mencurah-curah dengan tidak berhenti-henti selama dua jam setengah.

Seluruh kota Makkah dan kampung-kampung yang di sekitarnya menjadi gelap-gelita dicurahi hujan yang luar biasa yang belum pernah berlaku dari sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu. Air hujan yang turun berderai menimpa gunung-gunung batu pejal yang terpacak dengan gagahnya di sekeliling “Lembah Ibrahim” itu berkumpul menjadi satu, menjadi air banjir yang turun melanda dengan derasny menyerang tanah-tanah rendah di sekitar

kota suci itu. Bangunan Kaabah yang tersergam di tengah-tengah Masjidil Haram menjadi sasaran banjir yang begitu hebat, dalam masa beberapa minit sahaja kawasan Masjidil Haram yang boleh menampung beratus-ratus ribu manusia yang bersembahyang di sekeliling rumah suci “Baitullah” itu, telah merupakan sebuah tasik yang luas. Akibat dari serangan banjir tersebut beberapa kerosakan telah berlaku dan dua jiwa manusia turut sama terkorban. Air bah yang bertakung dalam kawasan Masjidil Haram itu sampai keperbatasan pintu Kaabah dan hampir-hampir masuk ke dalamnya.

### Usaha-Usaha Menyedut Air Bah:

Beberapa ketika setelah hujan berhenti, Duli Yang Mulia Amir Mash'al bin Malik Abdul Aziz – selaku wali kota Makkah – pun tiba ke Masjidil Haram dengan diiringi oleh Yang Berhormat Shaykh Ibrahim bin Ibrahim – selaku wakil amir – untuk menyaksikan sendiri kesan-kesan kerosakkan yang berlaku akibat dari

banjir tersebut. Baginda dengan segera memerintahkan supaya dipasang motor-motor pengepam air di sekeliling masjid agung itu, begitu pula baginda memerintahkan supaya dibawa 20 buah lagi motor-motor pengepam air dari Jeddah supaya air bah yang setinggi sekira-kira 5 kaki yang bertakung di segenap kawasan Masjidil Haram itu dapat dikeringkan dengan seberapa segera.

Baginda sendiri berada di dalam masjid itu mengetuai pekerjaan menyedut dan membersihkan kawasan masjid hingga ke larut malam. Pasukan bomba, polis dan tentera telah dikerah menjalankan kerja-kerja pembersihan itu dibantu oleh beratus-ratus orang para jemaah haji dengan memberikan tenaga sukarela yang tidak diminta.

Pada pukul 10 malam itu juga baginda sendiri dengan diiringi oleh beberapa orang pengawal peribadinya telah menaiki sebuah motokar pergi memeriksa kesan-kesan kerosakan jalan

## Banjir di Kota Suci

raya antara Makkah dan Jeddah akibat dari serangan banjir itu. Ini menyebabkan lalu lintas antara Makkah – Jeddah tergendala selama 6 jam. Tetapi dengan kecekapan baginda mengatur kerja-kerja memperbaiki jalan raya yang menghubungkan antara bandaraya Jeddah dengan kota suci Makkah itu, jalan itu dapat dibuka semula untuk lalu lintas kira-kira jam 11 malam waktu Makkah.

Banjir itu datangnya dari arah al-Masafi melalui Ajyad, dari pihak yang lain pula banjir yang paling hebat sekali datang dari arah


al-Ma'abdh melalui Ghazah dan al-Qashashiyah menyebabkan jalan-jalan raya di sekitar kota Makkah merupakan anak-anak sungai yang mengalir dengan derasnya. Berpuluh-puluh buah motokar yang sedang berhenti di pinggir jalan-jalan tersebut, hanyut dibawa arus. Kerugian-kerugian harta benda masih belum dapat ditaksirkan.

### Jeddah Juga Terlibat:

Menurut satu berita yang berasingan bandar Jeddah juga mengalami beberapa kerosakan akibat dari turunnya hujan yang mencurah-curah selama 3 jam ke atas bandaraya yang terletak di pinggir Laut Merah itu. Walau bagaimana pun kerosakan yang dialami oleh bandar raya Jeddah tidak seteruk yang dialami oleh kota suci Makkah.

Meskipun banyak kerugian harta benda yang terlibat disebabkan banjir yang luar biasa hebatnya ini, namun begitu seluruh rakyat di Saudi Arabia mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi, lantaran mereka meramalkan dengan kejadian banjir ini negara mereka dicucuri sebesar-besar rahmat, tanaman-tanaman di seluruh negara akan hidup dengan suburnya, beberapa bulan kemudian dari itu rakyat-rakyat di luar bandar akan hidup lebih mewah dan makmur.

Inilah secebis kisah “banjir di kota suci” yang menjadi sumber terbitnya kemakmuran seluruh rakyat yang hidup bernaung di bawah lindungan Kaabah yang sentiasa diberkati tuhan itu.



Selepas hujan turun dengan lebatnya tiada berhenti-henti selama dua jam setengah, kawasan Masjidil Haram telah menjadi sebuah tasik dan separuh daripada bangunan Baitullah (Kaabah) telah ditenggelami banjir.